

SOLUSI

PANDUAN
HIDUP
BERSYARIAT

2012 | PP 15048/05/2013 (032162) | • MOTIVASI • FARDU AIN •

ISU No.

47

Ramadan, Syawal dan Obesiti

Abu Hurairah melaporkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, maksudnya: "Pada hari kiamat akan datang seorang yang berbadan besar lagi gemuk. Namun, di sisi Allah timbangannya tidak dapat melebihi berat sayap seekor nyamuk." Sewajarnya, makanan yang banyak akan menghasilkan tenaga dan stamina yang tinggi untuk ibadah. Namun kenapa sifirnya tidak pernah begitu?

Selanjutnya di hlm. 96

> Surat Cinta Buat Para Pemimpin

hlm. 12

> Kaji Sebelum Caci

hlm. 70

> Umpama Berpuasa Sepanjang Tahun

hlm. 68

> Mengenal Hati

hlm. 85

Nafsu hanya suka pada makanan yang lazat. Akal suka pada makanan yang berzat, tetapi hati suka pada makanan yang berkat. Yang mana penyubur iman?

LAZAT BERZAT BERKAT



AUDIT BUREAU OF CIRCULATIONS
(Incorporated in Malaysia)

RM 10.00 (SEM)
RM 12.00 (S/S)
SGD 7.50
BND 7.50
USD 10.00
EUR 8.00
IDR 35,000.00
AUD 7.50

ISSN 1985-5400



TELAGA BIRU SDN. BHD.



Imbas kod
untuk ke
Facebook
Majalah
Solusi

Sebuah
terbitan



Berhujah dengan Qadar Allah atas Maksiat

Dalam artikel sebelum ini, kita telah bahaskan ketidakharusan untuk berhujah atas maksiat yang kita lakukan dengan qadar Allah. Ia amat tidak wajar kerana menunjukkan sikap melarikan diri daripada tanggungjawab. Qadak dan qadar ialah iktikad dan keimanan, namun ia bukanlah asas kepada keuzuran. Ini kerana tiada sesiapa pun yang tahu tentang qadar Allah.

Walau bagaimanapun, terdapat masa yang harus untuk kita berhujah dengan qadar Allah atas kesalahan dan maksiat, tetapi ada masa ia menjadi tidak harus.

Harus Berhujah

Seseorang yang melakukan maksiat, dosa dan kesalahan mempunyai ruang untuk bertaubat. Pintu taubat terbuka luas selagi nyawa dikandung badan. Selagi masih hidup, maka seseorang itu diberi ruang dan peluang untuk bertaubat.

Setiap daripada kita ada kesalahan, maksiat dan dosa. Mungkin kita pernah meninggalkan solat fardu, tidak berpuasa pada bulan Ramadan, tidak menutup aurat dengan sempurna dan sebagainya. Mungkin juga kita pernah menerima rasuah atau terlibat dengan riba dan sebagainya.

Maka adalah harus untuk kita berhujah dengan qadar Allah terhadap maksiat yang berlaku **selepas kita bertaubat**. Insan

yang bertaubat dengan taubat nasuha iaitu taubat yang sebenar-benarnya seolah-olah sudah suci daripada dosa. Taubat nasuha memerlukan tiga syarat iaitu:

1. Meninggalkan perbuatan maksiat.
2. Menyesal atas maksiat tersebut.
3. Berazam tidak mengulanginya lagi.

Ketika itu, hujah terhadap maksiat yang telah berlaku dengan qadar Allah adalah harus. Ucapan bahawa maksiat yang dilakukan pada zaman silam bertujuan:

1. Menyatakan kuasa Allah dan qadar Allah yang menentukan segala-galanya. Ini termasuk dalam bab mentauhidkan Allah kerana setiap yang berlaku sama ada baik atau buruk adalah dengan kehendak Allah.

2. Ia juga memberi kesan positif kepada insan yang bertaubat agar tidak terus kecewa dan bersedih atas maksiat pada zaman silamnya. Kekecewaan yang berterusan bakal memberi kesan

negatif. Kesedihan yang berterusan pula boleh memberi impak yang tidak baik. Sepatutnya, insan yang bertaubat tidak berputus asa daripada rahmat Allah.

Seorang insan meninggalkan solat selama beberapa tahun, lalu dia kembali insaf dan bertaubat. Ketika berbual-bual dengan kawan-kawan, maka dia menyebut bahawa ia adalah qadar Allah baginya. Ini sebenarnya memberi harapan agar dia terus berusaha untuk menjadi hamba Allah yang soleh pada masa mendatang.

Jika dia dicela dan dikutuk atas maksiat dan dosanya yang telah berlalu itu, maka dia berkata bahawa apa-apa yang berlaku adalah ketentuan dan qadar Allah bagi dirinya. Segalanya berlaku dengan qadar Allah. Maka dia tidak lagi menyalahkan dirinya. Sebaliknya, dia terus meningkatkan amal soleh sebagai asas selepas bertaubat.

Dalam riwayat hadis, terdapat kisah Nabi Musa a.s. bertanya kepada Nabi Adam a.s. tentang sebab yang mengeluarkan mereka (manusia) dari syurga. Jawapan Nabi Adam a.s.: "Adakah kamu mencela aku atas perkara yang Allah takdirkan 40 tahun sebelum Allah jadikan aku." (Riwayat al-Bukhari)

Hujah Nabi Adam berlaku selepas taubat. Ini bukan bermakna Nabi Adam a.s. menyalahkan qadar Allah atas kesalahannya memakan buah larangan. Tetapi setelah Nabi Adam a.s. bertaubat, maka tidak mengapa untuk kita berhujah dengan qadar Allah atas maksiat selepas ia berlaku dan kita sudah bertaubat.

Haram Berhujah

Adapun berhujah atas maksiat yang sedang dilakukan dengan qadar Allah, maka ia tidak harus. Orang yang sedang meminum arak ditegur atas sebab apa dia meminum arak? Dia berhujah bahawa ini qadar Allah. Hujah begini menyebabkan dia berterusan dalam dosa meminum arak. Dia tidak akan insaf dan tidak mahu bertaubat.

Begitu juga dengan maksiat yang akan dilakukan pada masa hadapan. Seseorang merancang untuk mencuri tahu bahawa mencuri merupakan satu dosa. Namun apabila diingat bahawa perbuatan mencurinya merupakan qadar Ilahi, maka dia akan berasa selesa dan gembira untuk mencuri.



Lulusan diploma KUSZA, Sarjana Muda Universiti al-Azhar, Kaherah dan Ijazah Sarjana dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Juga mempunyai pengalaman pengajian di Pondok Pasir Tumbuh, Kelantan. Kini pensyarah di UIAM. Boleh dihubungi di e-mel: nidilium@yahoo.com.

MOHAMMAD NIDZAM ABD. KADIR

Justeru orang yang merancang untuk melakukan maksiat menganggapnya qadar Allah, dia akan berasa gembira dengan maksiat tersebut. Dia berasa tidak bersalah dengan perbuatannya itu, dan ini menutup ruang untuk bertaubat.

Al-Quran menceritakan hujah golongan yang mensyirikkan Allah. Golongan ini berhujah bahawa dosa syirik berlaku dengan kehendak Allah. Firman Allah s.w.t., maksudnya: "Orang yang mempersekutukan Tuhan, akan mengatakan: 'Jika Allah menghendaki, nescaya kami dan bapa-bapa kami tidak mempersekutukan-Nya dan tidak (pula) kami mengharamkan sesuatu apa pun.' Demikian pula orang sebelum mereka telah mendustakan (para rasul) sehingga mereka merasakan seksaan kami. Katakanlah: 'Adakah kamu mempunyai sesuatu pengetahuan sehingga dapat kamu mengemukakannya kepada kami?' Kamu tidak menuruti kecuali sangkaan belaka, dan kamu tidak lain hanyalah berdusta." (Surah al-An'am 6: 148)

Golongan ini berhujah bahawa syirik tidak akan berlaku jika Allah menghendaki mereka sedemikian, dan ini merupakan hujah yang rapuh. Mereka tidak mempunyai ilmu dalam isu ini. Mereka belum

bertaubat, tetapi mereka berhujah dengan qadar Allah. Ini adalah sesuatu yang tidak betul.

Situasi dalam Kehidupan

Kita mungkin pernah putus cinta. Kita akan menyalahkan sesiapa sahaja, malahan takdir Ilahi turut dipersalahkan. Sebaliknya jika kita seorang yang positif, ia sebenarnya qadar Ilahi. Kita reda dan mungkin ada hikmah di sebaliknya.

Kita diajar oleh Nabi s.a.w. untuk mengucapkan kalam berikut apabila ditimpa musibah:

قَدَّرَ اللهُ، وَمَا شَاءَ فَعَلَ

Maksudnya: "Allah mentakdirkan, dan apa-apa yang Allah kehendaki maka Dia lakukan."

Kita mungkin pernah menerima rasuah kerana kejahilan atau desakan hidup. Kini, kita insaf dan bertaubat. Kita tidak akan mengulangi kesilapan dan dosa tersebut. Maka, perkara yang telah berlaku diterima kerana ia ketentuan Ilahi. **S**

Begitu juga dengan maksiat yang akan dilakukan pada masa hadapan. Seseorang merancang untuk mencuri. Dia tahu bahawa mencuri merupakan satu dosa. Namun apabila diingat bahawa perbuatan mencuri itu merupakan qadar Ilahi, maka dia akan berasa selesa dan gembira untuk mencuri.

